
KETAHANAN KENDIRI DAN KESEDIAAN BEKERJA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI DI SABAH DALAM TEMPOH PANDEMIK COVID-19

*Mohd Faqhrullah Khamis, Getrude C. Ah Gang

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding email: mohdfaqrullah@gmail.com

Received date: 17 February 2023; Accepted date: 26 March 2023

Abstrak: Penularan wabak Covid-19 telah banyak merubah corak pembelajaran dan pengajaran (PdP) di universiti yang dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Perubahan corak pembelajaran ini mengundang rasa bimbang dalam kalangan pelajar universiti terutamanya pelajar tahun akhir di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta (IPTA/IPTS). Hal ini kerana mereka perlu berhadapan dengan cabaran dan persaingan dalam mendapatkan pekerjaan ekoran berlakunya pandemik Covid-19. Semua ini memerlukan ketahanan sendiri yang tinggi khususnya dalam kalangan pelajar tahun akhir. Dalam meneroka fenomena ini, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji pengaruh tahap ketahanan sendiri terhadap kesediaan mereka untuk bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir di IPTA dan IPTS. Kajian ini juga mengkaji perbezaan antara pelajar IPTA dan IPTS dari segi ketahanan sendiri dan kesediaan mereka untuk bekerja dalam era pandemik. Seramai 345 orang pelajar tahun akhir di IPTA/IPTS di Sabah turut serta dalam kajian. Kajian mendapati, wujud pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja bagi pelajar IPTA dan IPTS di Sabah. Dari segi perbezaan ketahanan sendiri dan kesediaan bekerja pula, tidak wujud perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah terhadap pelajar tahun akhir bagi kedua kumpulan pelajar IPTA dan IPTS. Secara keseluruhannya, isu yang dibincangkan dalam kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar tahun akhir IPTA/IPTS untuk lebih bersedia dalam mendepani cabaran dalam memasuki dunia pekerjaan tidak kira dalam apa juga situasi yang berlaku di luar jangkanya.

Kata kunci: Ketahanan sendiri, kesediaan bekerja, IPT Sabah, Covid-19, pelajar tahun akhir

PENGENALAN

Covid-19 sememangnya memberi kesan yang serius terhadap sektor pendidikan di Malaysia. Akibat daripada penularan wabak ini, setiap IPT

terpaksa menjalankan proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) sepenuhnya secara dalam talian. Semua aktiviti PdP dan aktiviti pembangunan sahsiah secara fizikal juga tidak dilakukan. Hal ini mengehadkan keupayaan pelajar untuk menguasai kemahiran insaniah seperti interpersonal, kerja kumpulan, komunikasi dan kolaborasi. Sehubungan dengan itu, kebanyakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya pelajar tahun akhir mulai bimbang akibat kurang penawaran pekerjaan dan proses pemilihan yang selektif oleh majikan ekoran daripada berlakunya pandemik covid-19.

Sememangnya aspek akademik dan pembangunan sahsiah penting dalam memastikan pelajar mendapatkan peluang pekerjaan yang cerah selepas bergraduat kelak. Pemerolehan pengetahuan akademik dan bukan akademik seperti kemahiran insaniah dan pembangunan sahsiah sukar untuk dicapai. Hal ini disebabkan limitasi dari segi mengikuti pembelajaran dan program pembangunan kendiri secara fizikal semasa pembelajaran secara dalam talian. Hal ini ditambah lagi yang mana sebelum pandemik Covid-19, terdapat segelintir pelajar yang hanya menjalani kehidupan di universiti dengan menghadiri kuliah tanpa menyertai mana-mana program pembangunan sahsiah di universiti. Pelbagai alasan yang digunakan sekiranya mereka tidak menyertai program pembangunan sahsiah antaranya penat selepas menghadiri kuliah, *burn out* dan sebagainya.

Dalam proses kesiediaan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan, ketahanan kendiri antara pelajar tahun akhir dari universiti Awam dan Swasta adalah sama. Hal ini mungkin disebabkan situasi pembelajaran yang dilalui oleh pelajar adalah lebih kurang sama walaupun mungkin fasiliti dan ruang fizikal pembelajaran yang berbeza. Kajian oleh Nazriah *et al.* (2020) terhadap 888 orang responden mendapati, pelajar lebih memilih untuk menyertai program secara berkumpulan bersama rakan-rakan. Hal ini kerana mereka lebih berkeyakinan untuk melaksanakan setiap program yang dianjurkan. Ada juga segelintir pelajar yang kurang memberikan perhatian dalam program bukan akademik dan beranggapan bahawa aktiviti tersebut akan mengganggu fokus mereka terhadap pembelajaran mereka. Tambahan lagi, ada juga yang beranggapan aktiviti sebegini tidak memberi jaminan yang baik terhadap masa depan mereka. Hal ini boleh menyumbang kepada ketahanan kendiri yang rendah dalam kalangan

pelajar. Sekiranya pelajar mempunyai ketahanan sendiri yang rendah, ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan diri mereka.

Tidak semua pelajar bersedia untuk mendepani cabaran kesediaan bekerja dan menghadapi dunia pekerjaan. Hal ini kerana mereka terlalu memikirkan terlalu banyak persaingan untuk mendapatkan pekerjaan kelak. Menurut Diani *et al.* (2017), pelajar di universiti bukan sahaja berhadapan dengan tekanan pembelajaran tetapi juga mereka terpaksa berhadapan dengan persaingan dan tuntutan majikan dalam dunia pekerjaan. Walau bagaimanapun, tekanan yang dialami dalam kehidupan juga diperlukan kerana tekanan dapat memberikan motivasi kepada individu untuk mencapai sesuatu keputusan dengan cemerlang. Namun tekanan juga boleh menyebabkan seseorang itu berfikiran tidak rasional sekiranya mereka tidak dapat menguruskan tekanan mereka dengan baik (Sri Nurhayati *et al.*, 2020).

Terdapat juga kajian berkaitan dengan ketahanan sendiri pelajar yang telah dijalankan oleh Irmohizam dan Muhammad (2016) terhadap 520 orang pelajar. Kajian tersebut memfokuskan kepada ketahanan sendiri pelajar secara umum di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di luar negara. Kajian yang dijalankan mendapati terdapat perbezaan ketahanan sendiri antara pelajar IPTA dan IPT luar negara. Hal ini juga disebabkan oleh beberapa faktor demografi seperti faktor jantina, lokasi IPT dan tahap pendidikan ibu bapa. Hal ini jelas menunjukkan tahap ketahanan sendiri antara pelajar adalah berbeza mengikut lokasi.

Dalam konteks ini, ketahanan sendiri seseorang dikaitkan dengan bagaimana mereka menghadapi kesukaran dan kesusahan dalam segala bentuk risiko dan cabaran dengan lebih tabah dan yakin sehingga menjadikan mereka lebih kompeten dan berdaya saing yang tinggi dalam kehidupan mereka. Justeru itu, ia akan menjadikan seseorang itu lebih berdaya tahan berbanding sebelumnya. Ketahanan sendiri juga bersifat multidimensi dan ditentukan oleh hasil didikan individu sebagaimana ia telah dibentuk (Angelkovski, 2016).

Menurut Harsela *et al.* (2020) pelajar yang mempunyai ketahanan sendiri yang tinggi adalah pelajar yang dapat menilai, mengatasi dan memperbaiki diri mereka ke arah yang lebih baik. Ketahanan sendiri pelajar berbeza

disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah kemampuan pelajar untuk mendapatkan peluang pekerjaan kelak. Kesiediaan pelajar untuk bekerja memerlukan kemahiran kebolehpkerjaan dan ketahanan kendiri yang tinggi. Hal ini disokong oleh Mohd Shafry (2020) yang mana bakal graduan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran kebolehpkerjaan seperti persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dan juga kreativiti dalam berhadapan dengan cabaran dalam mendapatkan pekerjaan. Transisi dari dunia akademik ke dunia kerjaya merupakan salah satu cabaran yang perlu semua graduan hadapi dan adaptasi. Justeru, graduan perlu melengkapkan diri dengan set kemahiran yang baharu bagi membantu diri mereka ditempatkan di industri (Cosmas *et al.*, 2023). Kemahiran baharu ini tidak hanya fokus kepada kemahiran teknikal dan insaniah tetapi juga kekuatan aspek psikologikal seperti ketahanan kendiri.

Ketahanan kendiri merupakan elemen penting dalam mempengaruhi kesiediaan pelajar untuk meneroka dunia pekerjaan. Ketahanan kendiri merujuk kepada cara seseorang individu berfikir dan tingkah laku yang dipengaruhi oleh konsep kendirinya (Azizi & Norlaily, 2010). Konsep kendiri yang positif akan menghasilkan keyakinan diri yang tinggi, dan ini akan mempengaruhi kejayaan diri seseorang pelajar. Individu yang mempunyai tahap ketahanan kendiri yang tinggi mempunyai kecenderungan untuk menyelesaikan masalah yang mereka lalui. Sebagai contoh, pelajar tahun akhir yang melibatkan diri dengan program kemahiran dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran pekerjaan dan lebih berkeyakinan untuk menunjukkan kesiediaan untuk bersaing dalam dunia pekerjaan.

Dalam konteks kesukaran graduan untuk mencari pekerjaan, bukan sahaja kredibiliti mereka sebagai graduan dipersoalkan, malah kredibiliti universiti juga turut dipersoalkan terutamanya dalam melengkapkan diri pelajar mendepani cabaran dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan ijazah yang dimiliki. Selain itu, pelajar juga hendaklah sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan nilai tambah sebelum bergraduasi kelak. Menurut Norasmah (2017), bakal graduan perlu menitikberatkan beberapa kemahiran yang perlu mereka kuasai sebelum mereka bergraduasi dan berdepan dengan cabaran dalam dunia pekerjaan. Penekanan kepada kemahiran kebolehpkerjaan dalam kalangan graduan ini semakin diambil perhatian khususnya semasa dalam era pandemik Covid-19 dan dalam fasa memasuki endemik.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan tentang fenomena semasa dan kajian lepas yang mengupas ketahanan sendiri dan kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir universiti, terdapat empat objektif kajian yang telah dibentuk. Dua objektif kajian meneroka pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar, manakala dua lagi objektif mengkaji perbezaan ketahanan sendiri dan kesediaan bekerja bagi dua kategori kumpulan pelajar universiti Awam dan Swasta.

- Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja pelajar IPTA.
- Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja pelajar IPTS.
- Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara pelajar IPTA dan IPTS dari segi ketahanan sendiri.
- Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara pelajar IPTA dan IPTS dari segi kesediaan bekerja.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data kajian. Instrumen bagi kajian ini mengandungi 45 item. Pengumpulan data ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah dalam talian dan secara bersemuka. Bagi kaedah pentadbiran soal selidik secara bersemuka, pengkaji menjalankan kajian di kawasan tumpuan pelajar seperti di kafeteria, fakulti dan perpustakaan universiti. Pengumpulan data kajian adalah melalui borang set soal selidik yang menggunakan format jawapan berskala *Likert*. Dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir IPTA dan IPTS di Sabah.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi pula digunakan untuk memperoleh data bagi menguji hipotesis kajian. Pengkaji menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 28 untuk menguji setiap analisis yang ingin dikaji. Ujian regresi mudah dan ujian-t sampel bebas digunakan untuk menguji hipotesis kajian.

Soal selidik yang digunakan untuk menguji kedua-dua pemboleh ubah adalah instrumen kesiediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir sebelum mereka mendapatkan pekerjaan, dan instrumen ketahanan kendiri pelajar tahun akhir. Bagi instrumen kesiediaan bekerja, pengkaji mengubahsuai dan mengadaptasi instrumen daripada Jyothirmayee dan Desai (2017). Bagi instrumen ketahanan kendiri pula, diadaptasi daripada Sinclair dan Wallston (2004). Tujuan pengubahsuaian ini dilakukan adalah untuk memastikan responden memahami kehendak soalan dan sesuai dengan konteks tempatan.

KEPUTUSAN

Jadual 1 menunjukkan seramai 345 orang responden daripada 10 buah IPT di Sabah turut serta dalam kajian. Majoriti responden adalah perempuan, 186 orang (53,9%) dan 159 (46.1%) orang lelaki.

Jadual 1: Demografi Responden

Pembolehubah	Bilangan (orang)	Peratus (%)	Min	Sisihan piawai
Jantina				
Lelaki	159	46.1		
Perempuan	186	53.9		
Tahap Pendidikan				
Diploma	99	28.7	1.71	0.45
Ijazah Sarjana Muda	246	71.3		
Jenis Institusi Pengajian Tinggi				
IPTA	269	78		
IPTS	76	22		
Senarai Institusi Pengajian Tinggi (IPT)				
IPT Swasta				
AMC College	13	3.8		
Cyberjaya College	14	4.1		
Mahsa College	12	3.5		
North Borneo University College (NBUC)	17	4.9		
Open Universiti Malaysia (OUM)	2	0.6		
Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)	14	4.1		
IPT Awam (IPTA)				
Institut Pengajian Guru Kampus Gaya (IPGK Gaya)	16	4.6		
Politeknik	27	7.8		
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	204	59.1		
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	26	7.5		

Bagi tahap pendidikan pula, seramai 99 orang (28.7%) pelajar diploma dan 246 orang (71.3%) pelajar ijazah Sarjana Muda. Nilai min tahap pendidikan adalah (min = 1.71; SP = 0.45). Seramai 269 orang (78%) responden daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 76 orang

(22%) responden daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Bagi IPT yang terlibat pula, sebanyak 10 buah IPT yang terlibat dalam kajian ini. Antaranya IPGK Gaya, Politeknik, UMS dan UiTM. IPTS yang terlibat pula adalah AMC College, Cyberjaya College, Mahsa College, NBUC, UNITAR dan OUM. Bilangan pelajar yang mengikuti kajian ini mengikut IPTA/S adalah seperti dalam Jadual 1.

Dari segi analisis inferensi, analisis regresi mudah digunakan bagi menguji pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis regresi mudah bagi melihat pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir IPTA di Sabah

Peramal	Kesediaan bekerja			
	R	R ²	B	Sig.
Ketahanan sendiri	.72	.52	.72	<.001

Analisis regresi mudah menunjukkan terdapat pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir IPTA. ketahanan sendiri memberikan sumbangan 52% ke atas varians terhadap kesediaan bekerja ($\beta = .72$, $t(269) = 16.95$, $k < .001$). Kajian ini menunjukkan semakin tinggi ketahanan sendiri seseorang, maka semakin tinggi kesediaan mereka untuk bekerja. Pelajar IPTA dalam kajian ini melibatkan 269 orang daripada responden empat buah IPTA.

Jadual 3: Analisis regresi mudah bagi melihat pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir IPTS di Sabah

Peramal	Kesediaan bekerja			
	R	R ²	B	Sig.
Ketahanan sendiri	.43	.19	.43	<.001

Analisis regresi mudah digunakan bagi mengkaji pengaruh ketahanan sendiri terhadap kesediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir IPTS. Seramai 76 orang responden daripada enam buah IPTS terlibat dalam kajian ini. Kajian menunjukkan pengaruh ketahanan sendiri memberikan sumbangan 19% ke atas varians terhadap kesediaan bekerja ($\beta = .45$, $t(76) = 4.12$, $k < .001$) (rujuk Jadual 3). Dalam kajian ini, skor

menunjukkan terdapat pengaruh ketahanan kendiri yang mempengaruhi kesiediaan bekerja dalam kalangan pelajar tahun akhir di IPTS.

Jadual 4: Ujian-t sampel bebas bagi melihat perbezaan ketahanan kendiri antara pelajar IPTA dan IPTS di Sabah.

Pemboleh Ubah	N	Min	Sisihan Piawai	T	Sig.
Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	269	32.03	5.70	.62	.10
Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	76	31.59	4.81		

Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara pelajar IPT Awam dan IPT Swasta dari segi ketahanan kendiri. Nilai kesignifikan ujian t yang diperolehi adalah 0.10 iaitu lebih besar daripada nilai k yang telah ditetapkan. Nilai min ketahanan kendiri pelajar IPT Awam adalah 32.03 (SP=5.70), sementara nilai min ketahanan kendiri pelajar IPT Swasta adalah 31.59 (SP=4.81).

Jadual 5 : Ujian-t sampel bebas bagi melihat perbezaan kesiediaan bekerja antara pelajar IPTA dan IPTS di Sabah.

Pemboleh Ubah	N	Min	Sisihan Piawai	T	Sig.
Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	269	62.67	10.63	2.60	.10
Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	76	59.09	10.49		

Dari segi kesiediaan bekerja, Jadual 5 menunjukkan tidak wujud perbezaan antara pelajar IPT Awam dan IPT Swasta terhadap dari segi kesiediaan bekerja. Nilai kesignifikan ujian-t yang diperolehi adalah 0.10 iaitu lebih besar daripada nilai k yang telah ditetapkan. Min kesiediaan bekerja pelajar IPT Awam adalah min 62.67 (SP=10.63), manakala pelajar IPT Swasta adalah min= 59.09 (SP=10.49).

PERBINCANGAN

Pengaruh ketahanan kendiri terhadap kesiediaan bekerja pelajar IPT Awam dan IPT Swasta

Dalam kajian ini ketahanan kendiri memberi pengaruh terhadap kesiediaan bekerja terhadap pelajar IPTA dan IPTS. Hal ini mungkin disebabkan oleh penglibatan pelajar dalam aktiviti yang banyak mengarah kepada keusahawanan dan kursus perniagaan. Selain itu, pelajar juga berpeluang mengikuti program *upskilling* dan *reskilling* yang dianjurkan oleh pihak

universiti dan agensi luar. Hal ini memberikan keyakinan dan mandiri dalam kalangan pelajar untuk melibatkan diri dalam membuka perniagaan sendiri selain bekerja dengan mana-mana organisasi. Kajian ini selari dengan Aiman Hazim dan Nor Aishah (2021) yang mana kajian mereka memfokuskan kepada keinginan keusahawanan dalam kalangan 346 orang pelajar IPT Swasta. Kajian mendapati sebahagian besar responden mempunyai keinginan keusahawanan pada tahap yang tinggi. Justeru, bidang keusahawanan juga dapat menyelesaikan masalah pengangguran dan juga dapat mengusahakan perniagaan sendiri. Selain itu, keusahawanan juga dapat membantu graduan lain untuk mendapatkan pekerjaan.

Kajian oleh Iwu *et al.* (2020) yang melibatkan 220 orang pelajar di Universiti South Afrika mendapati, 85 peratus daripada responden bersedia untuk menjadi usahawan selepas bergraduat. Kajian oleh Arango-Botero *et al.* (2020) pula mendapati keputusan untuk 636 pelajar yang terlibat dalam kerjaya usahawan dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku keusahawanan. Selain itu, sikap positif terhadap keusahawanan akan dapat mendorong mereka untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang berbentuk keusahawanan dan perniagaan.

Dalam kajian ini, ketahanan sendiri pelajar merujuk kepada keupayaan untuk beradaptasi kepada kesukaran, trauma, tragedi, ugutan ataupun sumber stres yang signifikan. Ketahanan sendiri dapat membantu pelajar untuk mengurus stres dan kebimbangan (Gull, 2018). Seseorang yang mempunyai daya tahan yang tinggi tidak menunjukkan seseorang itu tidak akan mengalami kesukaran. Menurut Zhang *et al.* (2020), ketahanan sendiri boleh dijelaskan dengan keupayaan seseorang untuk pulih daripada sesebuah krisis dan mudah menyesuaikan diri untuk berubah.

Dari segi kesediaan bekerja pula, menurut Sarmila *et al.* (2021), kesediaan kerjaya diukur melalui tahap kesediaan untuk melaksanakan enam perkara. Enam perkara tersebut adalah bersedia untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi seorang usahawan, memandang serius cita-cita untuk menceburi dunia keusahawanan dan perniagaan dan mempunyai semangat yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan. Selain itu, mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan, menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan berusaha untuk memulakan perniagaan.

Kajian daripada Muhammad Rafii *et al.* (2020) terhadap pelajar IPT Awam mendapati pelajar IPT Awam mempunyai tahap kesediaan bekerja yang tinggi terhadap isu pengangguran. Hal ini bermaksud pelajar IPT Awam menunjukkan kesediaan untuk menghadapi isu pengangguran yang berlaku akibat daripada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan pandemik Covid-19. Daripada dapatan kajian, terdapat juga sebilangan pelajar yang masih tidak menyedari kemahiran insaniah yang ditekankan dalam IR 4.0 dalam pemilihan pekerja seperti kreativiti, pemikiran kritis, komunikasi dan kolaborasi.

Berdasarkan kajian daripada Quaratul'Aini *et al.* (2020), graduan IPT di Malaysia didapati kurang pengetahuan tentang bekerja dalam persekitaran IR 4.0. Selain itu, terdapat isu lain yang timbul yang mana graduan tidak mempunyai keupayaan untuk mengaplikasikan kemahiran yang mereka perolehi semasa dalam pengajian terutamanya kemahiran insaniah, penguasaan Bahasa Inggeris yang rendah, keyakinan diri yang rendah dan masalah sikap. Oleh itu, Institusi Pengajian Tinggi harus menyelitkan semua elemen kemahiran insaniah dalam kurikulum pengajaran mereka bagi membantu meningkatkan kecekapan teknikal dan kemahiran insaniah graduan tempatan.

Kurangnya kemahiran ini boleh mendatangkan impak yang negatif terhadap kebolehpkerjaan dalam kalangan graduan. Pemilihan selektif pekerja ini juga semakin mencabar ekoran daripada kemerosotan ekonomi kesan daripada pandemik Covid-19. Kesedaran tentang kepentingan elemen kemahiran insaniah dalam mendapatkan pekerjaan dalam kalangan pelajar masih kurang. Hal ini disebabkan terdapat segelintir pelajar yang lebih memfokuskan kepada kecemerlangan akademik dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik yang dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran insaniah seperti komunikasi, interpersonal dan kepemimpinan. Pelajar khususnya tahun akhir perlu peka tentang dunia pekerjaan masa kini yang mementingkan IR 4.0 dan juga peristiwa luar jangka yang berlaku seperti pandemik Covid-19.

Kebergantungan dalam mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan pada masa kini bukan sahaja bergantung kepada akademik sahaja. Graduan perlu juga membuat kolaborasi menerusi jalinan kerjasama dengan pihak industri yang dapat berkongsi tentang permintaan dan

cabaran dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Kajian daripada Siti Mahera dan Hartini (2021), mendapati jalinan kerjasama inovasi kini bukan hanya tertumpu kepada individu atau institusi terpilih sahaja. Industri kini perlu memberi peluang yang lebih terbuka kepada IPT Awam dan IPT Swasta bagi memberikan input kepada semua pelajar untuk lebih berdaya saing khususnya dalam meneroka dunia pekerjaan. Hal ini akan dapat mempertingkatkan lagi ketahanan sendiri pelajar dalam memasuki alam pekerjaan. Semua ini akan dapat membantu meningkatkan ketahanan sendiri pelajar dan seterusnya menunjukkan kesediaan yang tinggi dalam menceburi dunia pekerjaan sama ada mencipta peluang pekerjaan sendiri atau bekerja dengan industri.

Perbezaan antara pelajar IPTA dan IPTS dari segi ketahanan sendiri dan kesediaan bekerja

Ketahanan sendiri setiap pelajar berbeza mengikut kemampuan dan kebolehan mereka untuk mengatasi sesebuah cabaran ataupun masalah. Pelajar yang mempunyai ketahanan sendiri yang tinggi mampu untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi. Namun, bagi pelajar yang mempunyai ketahanan sendiri yang rendah, mereka mungkin tidak mampu atau kurang mampu untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Menurut Graber *et al.* (2015), ketahanan sendiri boleh terbentuk apabila seseorang itu berhadapan dengan tekanan.

Dalam kajian ini, didapati tidak wujud perbezaan ketahanan sendiri antara pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah semasa pandemik COVID-19. Kajian ini disokong oleh kajian Norasmah (2017), yang mana tidak terdapat perbezaan ketahanan sendiri yang signifikan antara pelajar universiti Awam dan juga Swasta. Dalam kajian Norasmah juga, perbezaan antara dua kategori pelajar ini lebih kepada faktor seperti kemahiran sosial, penyelesaian masalah, optimis dan humor. Perbezaan juga wujud dari segi autonomi dan juga kerohanian.

Hasil dapatan daripada Nuramirah Nabilah dan Norzaini (2021) pula menunjukkan tahap daya tahan secara keseluruhan bagi pelajar IPT Swasta adalah tinggi. Hal ini disebabkan oleh tiga dimensi daya tahan menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi iaitu dimensi mempunyai makna, ketabahan dan falsafah persendirian. Kajian oleh Wahid (2013) pula mendapati, ketahanan sendiri pelajar universiti Awam dan universiti

Swasta adalah sama. Begitu juga dengan kajian oleh Ebenzer *et al.* (2020) yang mendapati tidak ada perbezaan antara fakulti dan tahun pengajian pelajar dari segi persepsi tekanan dan ketahanan kendiri.

Dari segi kesiediaan bekerja antara pelajar IPT Awam dan IPT Swasta, tidak terdapat perbezaan yang ketara. Hal ini mungkin disebabkan pelajar masih tidak bersedia untuk mendapatkan pekerjaan selepas ber graduat kelak. Menurut Norwazli (2022), graduan mempunyai perspektif yang mana kebanyakan industri membuat penangguhan pengambilan pekerja dan bersifat selektif. Hal ini juga sedikit sebanyak menyebabkan jumlah pengangguran semakin meningkat dan pandemik Covid-19 memburukkan lagi keadaan ekonomi negara, sekaligus memberi kesan kepada kebolehpasaran graduan.

Selain itu, kajian oleh Azmi *et al.* (2018) mendapati, IPT memainkan peranan penting bagi memastikan perkembangan kemahiran dalam kalangan graduan. Kajian terhadap 300 orang graduan mendapati terdapat 12 kemahiran yang sangat penting. Antaranya sikap bertanggungjawab, pengurusan masa, kerjasama, komunikasi, kemahiran memimpin, kreatif dan inovatif, penampilan menarik, disiplin, sikap positif, berfikiran terbuka dan ketelusan. Kajian juga mendapati, pelajar IPT Awam lebih bersedia dengan kemahiran insaniah berbanding pelajar daripada IPT Swasta. Hal ini merujuk kepada kemahiran berkomunikasi, pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, berfikiran kreatif dan inovatif dan berkepimpinan. Sebaliknya, pelajar IPT Swasta pula dilengkapi dengan *hard skills* berbanding pelajar IPT Awam seperti penguasaan Bahasa Inggeris, penguasaan bahasa ketiga dan kemahiran analisis.

Secara umumnya, kajian ini telah memberi gambaran tentang tahap kesiediaan bekerja dalam kalangan pelajar IPT Awam dan IPT Swasta. Didapati tahap kesiediaan bekerja dalam kalangan pelajar adalah di tahap yang sederhana. Oleh itu, pelajar hendaklah menyiapkan diri mereka dengan kesiediaan bekerja dalam aspek pembangunan sahsiah. Menurut Poh *et al.* (2018), pelajar vokasional dan teknikal perlu bersedia dalam kerjaya dalam sesetengah aspek yang berkaitan dengan kesiediaan kerjaya seperti aspek tanggungjawab, fleksibiliti, kemahiran, komunikasi, *self-view*, kesihatan dan keselamatan.

Oleh itu, sebagai seorang pelajar universiti yang akan bergraduasi dan memasuki dunia pekerjaan, perlu lebih bersedia untuk berhadapan dengan kebimbangan, tekanan dan lain-lain cabaran kebolehpekerjaan. Hal ini kerana ia boleh memberi kesan yang negatif terhadap ketahanan sendiri dan kesediaan pelajar untuk bekerja kelak. Ketahanan sendiri amat diperlukan dalam sistem pendidikan di negara kita bagi membantu setiap pelajar dapat membina ketahanan sendiri yang jitu. Hal ini penting agar mereka tidak mudah rapuh dan dapat menghadapi cabaran kebolehpekerjaan dengan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, ketahanan sendiri pelajar perlu ditingkatkan sebagai persediaan pelajar khususnya tahun akhir untuk memasuki bidang pekerjaan setelah mereka bergraduasi kelak. Secara amnya, bakal graduan dan semua pihak yang bertanggungjawab perlu menitikberatkan penguasaan kemahiran insaniah yang dapat membantu bakal graduan dalam pencarian pekerjaan kelak. Majikan pada hari ini bukan sahaja ingin mencari pekerja yang mempunyai kelayakan akademik tetapi juga kemahiran tambahan berbentuk global seperti kemahiran kreativiti, pemikiran kritis, penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa asing yang dapat membantu meningkatkan produktiviti suatu organisasi. Kemahiran yang berbentuk insaniah atau teknikal sangat penting dan diperlukan dalam dunia pekerjaan yang bersifat global.

Dapatan kajian ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar untuk lebih bersedia dan berdaya saing dalam mendepani cabaran dalam dunia pekerjaan kelak. Maka dengan itu, bakal graduan wajib haruslah bijak dalam merancang dan mengikuti *trend* pasaran kerja yang kian mencabar. Aspek kekuatan psikologikal seperti ketahanan sendiri perlu ada dalam setiap diri pelajar bagi memastikan mereka dapat mengurus tekanan mereka dengan baik.

Bagi pihak industri pula, dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu dalam mengenalpasi aspek psikologikal yang dapat menyumbang kepada kesediaan pelajar untuk memasuki dunia industri sama ada tempatan mahupun antarabangsa. Pelaksanaan program seperti *upskilling* dan *reskilling* akan dapat meningkatkan nilai tambah seorang graduan yang bermutu tinggi bukan sahaja dari segi akademik tetapi dari segi

pembangunan sahsiah. Hasil kajian ini diharap dapat mendorong minat kepada pengkaji akan datang untuk meneroka aspek psikologikal lain yang mampu meningkatkan kecekapan psikologikal dan fizikal graduan dalam menempatkan diri di dunia pekerjaan.

Kenyataan Persetujuan Termaklum

Saya akui bahawa penyertaan saya dalam penyelidikan ini adalah pilihan saya sepenuhnya dan saya mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan saya pada bila-bila masa sahaja dengan alasan yang munasabah, dan tanpa dikenakan sebarang denda atau bayaran. Saya akui bahawa salinan kebenaran berkaitan penyelidikan ini akan diberikan kepada saya. Saya dengan sukacita memilih untuk menyertai penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan

Penyelidik mengisytiharkan bahawa tidak wujud dan tidak berlaku sebarang konflik kepentingan.

Pernyataan Etika

Segala prosedur dan metode yang digunakan semasa penyelidikan dijalankan terutamanya yang melibatkan penyertaan manusia sebagai peserta telah dijalankan dengan mematuhi panduan etika yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa kajian institusi. Peserta yang terlibat dalam penyelidikan ini juga memberikan persetujuan termaklum mereka atas kerelaan hati sendiri.

Sumbangan Pengarang

Mohd Faqhrullah Bin Khamis merupakan penyelidik yang menyumbang sebahagian besar dalam penyelidikan ini yang merangkumi konsep asas pemboleh ubah kajian, kaedah kajian yang digunakan, termasuklah pengumpulan, penganalisan dan pentafsiran data. Getrude Cosmas pula terlibat dalam menilai hasil analisis penyelidikan, penulisan dan membuat penambahbaikan dalam penulisan artikel ini.

Penghargaan

Sekalung penghargaan buat semua peserta kajian yang sudi berkongsi maklumat seperti yang dikehendaki dalam kajian. Ucapan terima kasih juga buat Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah di atas peluang yang diberikan dalam menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Aiman Hazim. R., & Nor Aishah. B. (2021). Tahap Keinginan Keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta: Perspektif di Malaysia. *Jurnal Dunia Perniagaan*,3(2),1-6.
- Angelkovski, R. (2016). Resilience in children: Educational significance, *Journal of Student Engagement: Education Matters*,6(1), 39-45.
- Arango-Botero. D., Arias. M.L. B., Montoya. M. H., & Valencia-Arias. A. (2020). Determinants of Entrepreneurial Intention among Engineering Students Based on Structural Equation Modeling. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*. 28(4). 2623-2644
- Azizi, Y., & Norlaily, A. (2010). Teori-teori Konsep Kendiri. Tidak diterbitkan.<http://eprints.utm.my/id/eprint/10368/>
- Azmi, I. A. G., Hashim, R. C., & Yusoff, Y. M. (2018). The Employability Skills of Malaysian University Students. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*,1(3), 1-14.
- Cosmas, G., Joseph Kimong, P., & George Albert, W.K. (2023). The Effect of Psychological SelfDefence on the Performance of Graduates Employed in Matched and Mismatched Roles. *Postmodern Openings*, 14(1), 00-00. <https://doi.org/10.18662/po/14.1/>
- Diani Mardiana Mat Zain, Amirah Zainun & Farhana Abdul Razak (2017). Tekanan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*,1,108-118
- Ebenezer, C. M., Swee Kee, L., Abraham, M. M., & Abdulrazzaq, J. M., (2020). Association between Perceived Stress and Resilience among University Students. *Indian Journal of Public Health Research and Development*,11(7),1316–1321. <https://doi.org/10.37506/ijphrd.v11i7.10278>
- Graber, R., Pichon, F., & Carabine, E. (2015). Psychological Resilience. London: Overseas Development Institute.
- Gull, M. (2018). Resilience Among Government and Private School Teachers: A Comparative Study. *The International Journal of Research in Teacher Education*,9(1),19-26.
- Harsela, K., & Asih, E. C. 2020. The Level of Mathematical Resilience and Mathematical Problem-Solving Abilities of 11th Grades

- Sciences Students in a Senior High School. *Journal of Physics Conference Series*, 1521(032053).
- Irmohizam Ibrahim & Muhammad Hussin (2016). Tahap Daya Tahan dalam Kalangan Pelajar IPTA di Malaysia dan di Luar Negara. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 75-85.
- Islam, M. A., Barna, S. D., Raihan, H., Khan, M. N. A., & Hossain, M. T. (2020). Depression and anxiety among university students during the COVID-19 pandemic in Bangladesh: A web-based cross-sectional survey. *PLOS ONE*, 15(8), 1–12.
- Iwu, C. G., Muresherwa, G., Nchu, R., & Eresia-Eke, C. E. (2020). University students' perception of entrepreneurship as a career option. *Academia*, 0-21, 177-201.
- Mohd Shafry Mohd Rahim. (2020). *Cabaran Kebolehpasaran Graduan Pasca COVID-19*.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1847435>
- Muhammad Rafii. I., Lee. W. C., Lui. D., & Mohamad Izzuan. M. I. (2020). Kesedaran Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Tentang Pengangguran di Malaysia Akibat daripada Revolusi Industri 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(8), 13 - 21
- Nazriah Rasul, Rafiza Mohamed, Siti Nurhuda Abd Wahid, Yusmady Md Junus & Rosmiza Awang Noh. (2020). Faktor Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Bukan Akademik anjuran Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(11), 85-94
- Norwazli Abdul Wahab. (2022). Penempatan Pelajar dalam Industri Kurang Dapat Pendedahan. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/04/944961/penempatan-pelajar-dalam-industri-kurang-dapat-pendedahan>
- Norasmah Othman. (2017). Daya Tahan Pelajar Universiti Awam dan Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 77-86.
- Nuramirah Nabila Zakaria & Norzaini Azman. (2021). Daya Tahan dan Motivasi Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19 Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(10). 41-53. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1092>
- Poh Li Lau, Ahmad Shamsuri Muhamad, Guan Teik Ee & Haslee Sharil Lim Abdullah. (2018). Kesiediaan Kerjaya dalam Kalangan

- Pelajar Vokasional dan Teknikal. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asis Pasifik*,6(2),32-41.
- Quaratul ‘Aini. A., Norshima. H., & Melissa. S. (2020). Industry Revolution 4.0: The Readiness of Graduates Of Higher Education Institutions For Fulfilling Job Demands. *Romanian Journal of Information Technology and Automatic Control*, 30(2), 15-26.
- Sarmila. M. S., Zaimah. R., & Nur Shafiqah. M. S. (2021). Kesiapan Graduan Memilih Keusahawanan Sebagai Bidang Kerjaya. *Malaysian Journal of Society and Space*,17(4),17-29
- Siti Mahera. A. A., & Hartini. A. (2021). Persepsi Staf KUIM Terhadap Kebolehpasaran Graduan. *Jurnal ‘Uthman*,6(2),50-60
- Sri Nurhayati Selian, Fonny Dameati Hutagalung & Noor Aishah Rosli. (2020). Pengaruh Stres Akademik, Daya Tahan dan Adaptasi Sosial Budaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.7(2),36-57
- Wahid, H. A. 2013. Keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing dalam kalangan pelajar ipt di Malaysia.Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhang, Q., Zhou, L., & Xia, J. (2020). Impact of COVID-19 on Emotional Resilience and Learning Management of Middle School Students. *Medical Science Monitor*, 26, 1–9. <https://doi.org/10.12659/msm.924994>